

TEKS UCAPAN
YBHG. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM

**BENGKEL PERANCANGAN PELAN STRATEGIK UNIVERSITI
TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) 2026 - 2030**

اوینوڠ سیتو تڪنیکال ملaysia ملاکا

16 Disember 2024 / 8.30 malam

Holiday Villa Resort, Langkawi

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Terima kasih pengacara majlis
Bismillahirahmanirahim

SALUTASI

-Seperti di Lampiran



1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini di **Bengkel Perancangan Pelan Strategik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) 2026 – 2030.**

2. Saya ingin mengucapkan **terima kasih kepada semua Team F1 yang hadir pada hari ini dan juga kepada urusetia Pejabat Pendaftar bersama-sama dengan PPSKR** yang telah menguruskan perjalanan dan segala urusan yang melibatkan bengkel di Langkawi ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Untuk makluman semua, **lokasi Langkawi ini dipilih untuk memastikan semua peserta dapat memberikan 100% fokus terhadap bengkel tanpa gangguan tugas yang lain.** Saya telah memaklumkan Pejabat Pendaftar untuk mencari lokasi yang jauh dari UTeM dan jauh dari Melaka supaya semua peserta dapat memberikan komitmen

terhadap intipati bengkel ini yang akan menjadi hala tuju UTeM sehingga tahun 2030.

4. Bukan itu sahaja, secara tidak langsung **lokasi ini juga dipilih sebagai satu ganjaran kepada semua Team F1 yang telah mencurahkan tenaga dan juga menjalankan tanggungjawab yang tidak berbelah bahagi sepanjang tahun 2024**. Hasil daripada usaha semua, pelbagai kejayaan kita telah peroleh sepanjang tahun ini dan kita juga telah menjalankan 3 buah program berskala besar iaitu:
 - a) TVET Place & Train


- b) MTUN Industri-Academia Discourse on Advanced TVET (MIAD) dan
 - c) JELITA@KPT Summit
5. Ditambah dengan program-program universiti yang lain, saya percaya semua staf merasa sedikit penat dan stres. Oleh sebab itu juga saya mencadangkan satu **lokasi di mana UTeM bukan sahaja boleh berbengkel, tetapi juga dalam masa yang sama semua peserta boleh ambil peluang untuk ‘Healing’ di penghujung tahun 2024 ini.**

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian

6. Berbalik semula kepada bengkel yang akan kita jalankan selama 3 hari bermula pada malam ini. Seperti yang kita tahu, UTeM telah menunjukkan **peningkatan yang ketara melalui pencapaian-pencapaian yang telah kita peroleh dari tahun 2022 sehingga tahun 2024**. Segala kejayaan ini telah menunjukkan bahawa UTeM berada pada landasan yang betul selaras dengan Pelan Strategik UTeM 2023 -2025.

7. Hasilnya, **penarafan antarabangsa UTeM telah meningkat** dari tahun ke tahun di mana pada tahun 2024 UTeM buat pertama kalinya telah memasuki QS World University

Ranking pada kedudukan 1200-1400 dan pada tahun **2025** **kedudukan kita telah meningkat ke 1180-1200.** Ini membuktikan UTeM sedang bergerak kearah yang betul dan saya percaya akan terdapat pelbagai lagi kejayaan yang akan diperoleh. Dalam memastikan dinamik ini berterusan, perancangan yang seterusnya harus dilakukan.

- 
8. Untuk makluman semua, Kementerian Pendidikan Tinggi sedang giat mengusahakan dan membentuk **Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026 – 2035.** Perancangan selama 10 tahun ini adalah untuk memastikan Institusi Pengajian Tinggi dapat terus

berkembang selaras dengan agenda negara dalam melahirkan tenaga kerja mahir.

9. UTeM sebagai sebuah Universiti TVET perlu menyokong PPPTM ini dan saya mengharapkan supaya dalam bengkel ini, perancangan **UTeM akan turut mengambil kira dan memberi respon kepada PPPTM**. Bukan itu sahaja, terdapat pelbagai sumber lagi yang perlu kita lihat seperti **MTUN TVET Termaju 2030, Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035, New Industrial Master Plan 2030** dan lain-lain lagi dalam formulasi Pelan Strategik UTeM 2026-2030 ini. Segala pemetaan (*mapping*) perlulah dilakukan

supaya UTeM tidak bergerak solo tetapi turut mengambil kira *stakeholder* yang berkaitan.

10. Saya dimaklumkan PPSKR akan membentangkan pencapaian UTeM sebentar lagi. Jadi hasil dari pembentangan tersebut juga boleh kita jadikan sebagai rujukan dalam membentuk Pelan Strategik UTeM 2026-2030. **Pembentangan dari PPSKR sebentar nanti juga merupakan satu indikator yang baik untuk melihat prestasi UTeM setakat ini.** Berbaki satu tahun lagi, diharapkan PTj yang berkaitan dapat meningkatkan lagi usaha untuk memastikan mana-mana sasaran yang telah ditetapkan dapat dicapai.

Hadirlin sekalian,

11. Antara yang menjadi sasaran utama bagi Pelan Strategik UTeM 2026 – 2030 adalah:

- a) Jumlah enrolmen pelajar sebanyak 40 ribu menjelang tahun 2030,
- b) Peningkatan bilangan penerbitan,
- c) Peningkatan penjanaan dari pengkomersialan,
- d) Peningkatan kadar kebolehpasaran graduan bergaji premium,
- e) Mewujud dan menggiatkan MTUN Technology-Industry Playground, dan
- f) Memperhebatkan branding UTeM di Malaysia dan antarabangsa,

12. Saya mengharapkan supaya dalam bengkel ini, segala perkara ini dapat dibincangkan dengan lebih teliti dan **inisiatif-inisiatif yang relevan dan efektif dapat difikirkan** bersama-sama dalam memastikan segala agenda tersebut dapat dilaksanakan. Terutamanya di bawah **Teras 2 iaitu yang melibatkan penerbitan dan juga penyelidikan.** Saya mengharapkan usaha yang lebih proaktif dapat digerakkan dalam memastikan progres dan sasaran dapat dicapai.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

13. Sekali lagi saya ingin mengingatkan semua bahawa **pencapaian kita menentukan peruntukan yang akan**

kita peroleh dari KPT melalui OBB. Jadi saya mengharapkan kita memperoleh peruntukan penuh supaya pembangunan UTeM dapat dijalankan dengan lebih rancak lagi.

14. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua yang hadir dan menyumbangkan buah fikiran masing-masing pada bengkel ini. Tidak lupa juga kepada urusetia kerana telah menganjurkan bengkel ini dengan jayanya.

15. Semoga usaha kita semua dalam memastikan pembangunan UTeM dan juga komuniti diberkati oleh Allah

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



اوپیزه سیتی یکنینکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA